

# 'Siap sedia hadapi gelombang ketiga'

➔ Kawasan rendah berisiko banjir akibat pertembungan hujan lebat, air pasang besar

*B. HAZRAN - 20/12/18 CM/S DO*

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli  
cnews@nstp.com.my

▪ Kuala Terengganu

**P**enduduk di kawasan berisiko banjir di Terengganu dinasihat membuat persiapan berikutan gelombang banjir ketiga dijangka bermula pada 22 hingga 25 Disember.

Pengaruh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Terengganu, Leftenan Kolonel Che Adam A Rahman, berkata pertembungan hujan lebat dan air pasang besar akan berlaku, sekali gus kawasan

rendah berisiko tinggi banjir.

"Kami minta penduduk di kawasan berisiko bersiap sedia menerima arahan berpindah jika banjir, termasuk penduduk di pesisir pantai.

"Biarpun cuaca panas dan hujan bersilih ganti, persiapan tetap perlu dijalankan untuk kebaikan bersama kerana pertembungan hujan lebat dan air pasang besar dijangka berlaku," katanya pada Majlis Makan Malam Repsol Oil and Gas Malaysia Limited (REPSOL) bersama Media di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, Pengurus Kanan Perhubungan Awam REPSOL, Ahmad Fakhruddin Arshad menyerahkan 50 kit bantuan banjir REPSOL kepada Che Adam.

Che Adam berkata, beliau berharap lebih banyak syarikat swasta menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir.

"Biarpun bantuan diperuntukkan kerajaan negeri sudah ada, namun bantuan diberikan pihak lain dapat membantu meringankan mangsa banjir di negeri ini.

"Kepelbagaian sumbangan me-



Kami minta penduduk di kawasan berisiko bersiap sedia menerima arahan berpindah jika banjir, termasuk penduduk di pesisir pantai"

**Che Adam A Rahman,**  
Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Terengganu

ringankan beban dan tekanan emosi mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di negeri ini," katanya.

## Laksana pemantauan

Beliau berkata, pemantauan akan sentiasa dijalankan dari masa ke semasa dan arahan perpindahan ke PPS akan diberikan segera jika banjir berlaku.

"Selain kawasan kerap berlaku banjir kilat, lokasi air bertakung juga menjadi perhatian APM dan turut dipantau sepanjang musim ini," katanya.

Sementara itu, cuaca baik di negeri ini menyebabkan jumlah mangsa di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) berkurangan, terutama ya di daerah Marang yang sebelum ini terjejas teruk akibat bencana itu.

Berdasarkan maklumat terkini Jabatan Pengurusan Bencana (JBPN) Terengganu, jumlah mangsa banjir sebelum ini mencapai 1,000 orang kini berkurang kepada 35 mangsa.

Mangsa membabitkan 12 keluar-

ga itu kini mendapatkan perlindungan di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Puteh berikutan kawasan perkampungan mereka masih ditenggelami air.

Bagaimanapun, semua mangsa dijangka dibenarkan pulang memersihkan rumah masing-masing dalam masa terdekat jika keadaan cuaca terus baik.

Di kawasan Setiu dan Besut pula banjir mungkin berlaku sekiranya hujan lebat berterusan.

Berdasarkan kemas kini Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Terengganu, Sungai Setiu di Jabatan Chalok dijangka melepasi paras bahaya berikutan hujan lebat di kawasan terbabit.

Menurut laporan itu, Sungai Setiu kini melepasi paras amaran apabila mencatatkan peningkatan mendadak kepada 7.81 meter berbanding lima meter paras normal.

JPS juga meramalkan paras air di sungai terbabit akan terus meningkat melepasi paras bahaya jika hujan berterusan, sekali gus boleh mengakibatkan banjir melanda di kawasan sekitarnya.